



'Recycling Rally' Pupuk Kesedaran Kitar Semula Cintai Alam Sekitar



Ahli jawatankuasa Recycling Rally anjuran Pejabat Pemasaran & Komunikasi UPM.

SERDANG, 10 Jun – Universiti Putra Malaysia (UPM) memperkenalkan program 'Recycling Rally' bagi memupuk warga kampusnya kesedaran mencintai alam sekitar melalui kitar semula bahan buangan.

Penasihat program, Fairuz Muchtar berkata program anjuran Pejabat Pemasaran dan Komunikasi yang julung kali itu membudayakan amalan kitar semula dalam kehidupan warga UPM dan menyokong penyertaan UPM dalam GreenMetric Ranking of World Universities.

"Program ini memperkenalkan sistem Recycle & Reward iaitu mereka yang menghantar barangan kitar semula seperti kertas, akhbar lama, beg plastik, botol plastik dan barangan elektronik akan diberi mata ganjaran oleh Syarikat Recycling Reward Sdn Bhd," katanya pada majlis pelancaran kempen kitar semula di sini.



Khairul Ezran (kanan), wakil Recycle Reward sedang menimbang barangan kitar semula disaksikan oleh pelajar UPM, Parimala Subramani (kiri) dan Lianamuntyati Ahmad Rusli(tengah).

Sementara itu, wakil Syarikat Fuji Xerox Asia Pacific, Marcellinus Frederick Lamhai berpendapat program itu perlu diadakan di setiap institusi pengajian tinggi (IPT) lain untuk mendidik staf dan pelajar kepentingan memelihara alam sekitar.

"Penglibatan pelajar penting kerana mereka merupakan 'duta' untuk memaklumkan kepada rakan sebaya mengenai usaha ini yang kini dipandang ringan oleh golongan remaja," katanya.

Pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan Tropicana, Qusyairi Zazila berkata program khidmat masyarakat (CSR) masih memerlukan penglibatan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi meningkatkan keprihatinan mengenai isu alam sekitar masa kini.



Marcellinus Frederick Lamhai.

“Dengan adanya sokongan daripada pihak NGO akan melahirkan perpaduan antara organisasi lain terhadap masalah sosial dan alam sekitar,” katanya.

Selain itu, program tersebut menampilkan aktiviti seperti persembahan muzikal istimewa Yayasan Anak Warisan Alam (YAWA) Eco Drum Circle yang menampilkan konsep kesenian dan alam menggunakan barangan kitar semula bertemakan Recycle Your Music.



Qusyairi Zazila.

Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM. (Noor Eszereen Juferi, 03-89466013, Fotografi Ahmad Fua'ad Alwi, 03-89466199).

Hak Cipta Terpelihara 2007
Universiti Putra Malaysia